

# G100

PUBLIC GOLD

# 5 MINIT EMAS

- E-book yang anda baca ini mungkin sudah outdated. Sila dapatkan versi TERKINI dari link [www.g100.my/5-minit-emas](http://www.g100.my/5-minit-emas)
- BACA kesemua bahagian E-book ini.
- Jika bermanfaat, SHARE kepada kenalan yang lain supaya mereka juga dapat manfaat yang sama.





Hai, saya **Mia**. Saya akan guide anda untuk memahami tentang asas simpanan emas dari Zero kepada Hero.

Kita akan lihat 20 Persoalan Asas Perlu Diketahui Sebelum Membeli Emas dan kita akan berkenalan dengan G100 Network. Jom mulakan pengembaraan kita!

## ISI KANDUNGAN

### **PERKARA      20 PERSOALAN ASAS SEBELUM BELI EMAS      MUKASURAT**

1. ASB, Tabung Haji atau emas?.....	1
2. Harga emas akan sentiasa naik?.....	3
3. Bajet paling minimum beli emas?.....	4
4. Apa untung simpan emas?.....	5
5. Harga emas semasa?.....	7
6. Jenama emas paling baik?.....	8
7. Jenama emas bereputasi tinggi di Malaysia?.....	9
8. Tempat terbaik jual emas bila nak pakai duit?.....	10
9. Beli emas guna duit pinjaman?.....	11
10. Barang kemas untuk pelaburan?.....	11
11. Cara buat untung dengan emas?.....	12
12. Zakat emas macam mana?.....	13
13. Beli emas ada income bulanan?.....	13
14. Tempat simpan emas terbaik?.....	14
15. Simpan emas di ar-rahnu ok?.....	15
16. Akaun emas atau emas fizikal?.....	15
17. Gold bar atau Dinar?.....	16
18. Beli direct di office Public Gold atau melalui dealer?.....	17
19. Di mana cawangan Public Gold?.....	18
20. Cara mudah beli emas?.....	18
<b>5 SOALAN BONUS.....</b>	<b>19</b>

### **PUBLIC GOLD**

• Produk utama.....	21
• Kaedah membeli emas.....	22
• Cara dan kelebihan menjadi DEALER.....	23

### **G100 NETWORK.....**

### **JOM MULA SEKARANG!**

# ASB, Tabung Haji atau emas?

- Ia bergantung pergerakan sebenar harga emas. Ada tahun **harga emas naik sampai 30%**, dan juga **turun sampai 28%**. Kalau untuk jangka panjang, simpan emas lebih untung.
- **Purata kenaikan harga emas sekitar 10% setahun** sejak 20 tahun lalu. Lepas tolak kos spread & zakat, untung sekitar 8% - 10%.
- Tabung Haji (5%), ASB (5.5% lepas tolak zakat 2.5%). Ianya semakin menurun dari tahun ke tahun. Belum tolak inflasi 4%.



TAHUN	ASB (%)	TABUNG HAJI (%)	EMAS USD (%)
2002	7.00	3.50	24.70
2003	7.25	4.00	19.70
2004	7.25	4.30	5.30
2005	7.25	4.50	20.00
2006	7.30	4.75	23.00
2007	8.00	5.00	30.90
2008	7.00	5.00	5.60
2009	7.30	5.00	23.40
2010	7.50	5.50	27.10
2011	7.65	6.00	10.10
2012	7.75	6.50	7.00
2013	7.70	6.00	-28.30
2014	7.50	6.25	-1.50
2015	7.25	5.00	-10.40
2016	6.75	4.25	9.10
2017	7.25	4.50	13.60
2018	7.00	1.25	-2.10
2019	5.50	3.05	18.90
2020 (COVID - 19)	4.25	3.10	17.60
<b>PURATA TAHUNAN</b>	<b>7.08</b>	<b>4.60</b>	<b>11.25</b>
Catatan Penting	Belum tolak zakat 2.5%	Bersih selepas zakat	Belum tolak spread & zakat 2.5%

**NOTA PENTING:** Setiap instrumen kewangan mempunyai kekurangan dan kelebihan tersendiri



AMANAH SAHAM  
BUMIPUTERA



AMANAH SAHAM  
NASIONAL



Untuk **jangka panjang (minimum 2 tahun)**, simpan emas lebih berbaloi berbanding **Tabung Haji (TH)** atau **ASB**. Harga emas confirm naik dalam jangka panjang disebabkan nilai **duit kertas sentiasa merosot** akibat inflasi dan kejatuhan matawang. Ditambah pula prestasi ASB dan TH kian merosot dari tahun ke tahun.

Aset yang bagus untuk simpanan jangka panjang ialah **ASET FIZIKAL** seperti emas (dan perak), harta tanah ataupun tanah yang diusahaikan.

Simpanan di **TH / ASB hanya sesuai untuk simpanan kecemasan** (berjumlah 3 bulan gaji) atau duit yang nak digunakan dalam jangka waktu terdekat sahaja. **Selebihnya simpanlah dalam bentuk emas dan harta tanah.**




Harga emas naik secara purata 11.25% sejak 2001 (dalam USD). Menurut pakar kewangan Tuan Azizi Ali, kadar keuntungan 10% +/- itu dianggap satu pulangan bagus untuk pelaburan.



“ Masa terbaik beli emas adalah 10 tahun lalu. Waktu kedua terbaik ialah sekarang! Mulakan simpanan emas anda hari ini. ”

## Harga emas akan sentiasa naik?

- Tak ada jaminan. **Harga emas ada turun naik dalam jangka pendek**, tapi boleh dikatakan harga emas **CONFIRM sentiasa naik dalam jangka panjang** disebabkan kuasa beli duit kertas sentiasa susut.
- Penurunan kuasa beli duit kertas itulah yang menyebabkan harga barang naik dalam jangka panjang, samada barang keperluan, rumah, tanah, apatah lagi emas! Kesannya, kita terpaksa bayar duit yang lebih banyak untuk dapatkan barang yang sama dalam jangka panjang!
- Kalau nak beli emas, **guna duit yang agak-agak tak pakai sekurang-kurangnya dalam tempoh 2 TAHUN**. Untuk jangka panjang, tak perlu bimbang tentang harga. Ia confirm naik, cuma ia **tentang persoalan masa sahaja**.



- FAKTA : Harga emas **naik 400%** dalam 10 tahun.
- Selepas berlaku kejatuhan dari 2013 – 2015, harga emas mulai trend menaik sejak 2016.
- Ia peluang yang baik untuk membeli. Pasca Covid-19, harga emas dijangka lebih tinggi disebabkan ekonomi tidak stabil!



## Bajet paling minimum beli emas?

Di Public Gold anda boleh mula dengan modal serendah RM100.

### TIP BERMULA

- Mulakan dulu simpanan emas walaupun RM100 atau pun 1 gram melalui Akaun Emas GAP.
- Bila sudah bermula, anda akan lebih mudah faham ilmu emas, dan lebih faham "mahal murah" harga emas kerana sudah ada **benchmark** harga tersendiri.
- Anda hanya tukar duit kepada emas, dan anggap ia sebagai proses untuk belajar.



**GAP™**  
Gold Accumulation Program

Modal serendah  
RM100 dengan  
Akaun Emas GAP

**G100**



1. Elak kebocoran simpanan
2. Kekayaan bertahan ketika gawat!
3. Selamat dari penyusutan kuasa beli



1

## Elak kebocoran simpanan

**Kerja bertahun-tahun, tetapi tidak ada wang simpanan yang cukup?** Bila mula simpan emas dan faham ilmu emas, wang simpanan bertambah di luar jangkaan!



Ini testimoni majoriti penyimpan emas. Emas adalah "**"ubat mujarab"** bagi menyelesaikan masalah kebocoran simpanan.

2

## Kekayaan bertahan ketika gawat!

**Semua harta akan tergugat jika tergugatnya ekonomi ataupun politik, KECUALI EMAS.** Jika berlaku krisis ekonomi, nilai ringgit (RM) jatuh, berlaku perang, bahkan kalau harta dibekukan oleh kerajaan sekalipun, emas masih selamat.

Nilai emas dipegang kukuh oleh berat dan ketulenan emas itu sendiri tanpa perlu jaminan sesiapa. **Orang bangkrup pun boleh simpan emas.** Selagi emas ada di tangan kita, tiada siapa boleh mengganggu gugat kekayaan kita.

3

## Selamat dari penyusutan kuasa beli

Simpan emas, tak perlu risau kenaikan harga barang (inflasi) dalam jangka panjang disebabkan **emas mengekalkan KUASA BELI SEPANJANG ZAMAN.** Sedangkan duit kertas, kuasa belinya confirm susut dari tahun ke tahun.

- Zaman Nabi Muhammad s.a.w, seekor kambing boleh dibeli dengan syiling emas 1 dinar (berat 4.25 gram, ketulenan 999.9).
- Hari ini, harga 1 dinar juga masih relevan untuk beli seekor kambing.  
**Emas mengekalkan kuasa belinya selama 1,400 tahun.**
- Berbeza dengan duit kertas; tahun 1980-an dulu, duit 50 sen cukup untuk budak sekolah makan kenyang di sekolah. Tapi hari ni RM2.00 sehari pun belum tentu cukup! Ini bukti duit kertas sentiasa susut kuasa belinya.

- **Emas selamat dari kesan inflasi.**



**TIP DISIPLINKAN DIRI  
MENYIMPAN WANG!**

**G100**

- Asas membina kekayaan ialah menyimpan sebahagian pendapatan secara berdisiplin setiap bulan.
- Siapa tidak menyimpan, sampai bila-bila pun dia tidak akan kaya.
- Emas boleh dijadikan salah satu cara berkesan untuk mendisiplinkan diri menyimpan, dan mengelakkan simpanan itu daripada bocor dibelanjakan dengan mudah.
- **Emas bukan sekadar kalis inflasi, tetapi ia juga KALIS BOROS!**

Emas bukan barang kawalan. **Harga emas berbeza-beza antara setiap pengeluar** sebab kos pengeluaran mereka berbeza, dan kadar keuntungan juga berbeza. Anda boleh semak harga emas di website setiap pengeluar:



GOLD BRAND/COMPANY	WEBSITE
Public Gold (PG)	<a href="https://publicgold.com.my/index.php">https://publicgold.com.my/index.php</a>
Emas UOB Bank	<a href="https://www.uob.com.my/">https://www.uob.com.my/</a>
Kijang Emas BNM	<a href="https://www.maybank2u.com.my/">https://www.maybank2u.com.my/</a>
Kuwait Finance House (KFH)	<a href="https://www.kfh.com.my/">https://www.kfh.com.my/</a>
Nusantara Bullion Exchange (NUBEX)	<a href="https://www.nubex.my/">https://www.nubex.my/</a>
Lee Wah Goldsilver (KualaPilah)	<a href="http://www.facebook.com/leewahgoldsilver">www.facebook.com/leewahgoldsilver</a>
Harga emas umum di Malaysia	<a href="http://www.hargaemas.com.my/harga">http://www.hargaemas.com.my/harga</a>
Harga emas dunia*	<a href="https://www.kitco.com/">https://www.kitco.com/</a>
Sejarah harga emas dunia*	<a href="https://goldprice.org/">https://goldprice.org/</a>

Catatan \* Harga emas mentah



## Jenama emas paling baik?

Apa jenama pun tak kisah. Tetapi kalau beli dengan tujuan pelaburan, iaitu untuk menjual pada harga lebih tinggi pada masa akan datang, kena pastikan 5 kriteria ini:

1. **Harga** per gram rendah
2. **Spread** / susut nilai nipis – supaya cepat nikmati keuntungan
3. **Stok tiada had** – terutamanya bila harga tengah rendah
4. **Cawangan jual beli banyak** - supaya memudahkan urusan
5. **Jaminan beli balik** - bila kita nak jual nanti

Berdasarkan rekod 13 tahun, Public Gold yang terbaik. Sebab paling utama, **senang dibeli**, **senang dijual** dan paling penting, **patuh syariah**:


1. Harga lebih murah sekitar 15% berbanding kedai emas,
2. Spread antara yang terendah di Malaysia
3. Ada 17 cawangan & dealer banyak seluruh Malaysia,
4. Stok tiada had, dan
5. Public Gold jamin beli balik emas tu bila kita nak jual.



## Jenama emas bereputasi tinggi di Malaysia?



1 dinar Public Gold  
(4.25 gram)



Kijang Emas coins  
(dijual di Maybank)



Emas di UOB Bank  
(jenama antarabangsa)

Ini 4 jenama emas pelaburan paling bereputasi di Malaysia; **(1) Public Gold, (2) Kijang Emas, (3) UOB Bank, dan (4) Kuwait Finance House.** Selain empat jenama ini, ada banyak lagi, tapi ini yang **paling berkredibiliti.**



**TIP ELAK  
DITIPU KETIKA  
BELI EMAS**

**G100**

- Pastikan beli emas hanya dari syarikat dan platform yang mempunyai reputasi yang baik seperti **Public Gold, Maybank, UOB Bank, KFH ataupun Bank Muamalat.**
- Jangan membeli emas dari platform sembarangan supaya mengelakkan anda ditipu atau kerugian.
- 
- Anda boleh kehilangan duit, atau mendapat emas yang kondisinya yang sudah cacat!

Emas tu boleh dijual di mana-mana kedai emas seluruh dunia. Ia confirm laku. Asalkan ia emas, asalkan ia tulen. Tapi kalau nak dapat **HARGA TERTINGGI, jual di tempat di mana anda membelinya.** Kalau beli Kijang Emas, jual balik kepada Maybank. **Kalau emas Public Gold, jual terus di office Public Gold atau dealer Public Gold.** Kalau emas Poh Kong, jual kepada Poh Kong.

Kalau nak guna duit sekejap untuk rolling, boleh pajak di arrahnu untuk dapatkan PINJAMAN. Caj sebenar pajakan sekitar 1.15% sebulan atau 13.85% setahun dari nilai pinjaman.




**April 2011, saya pajak beberapa keping gold bar untuk pusing modal bisnes.**

**Kos pajak sebulan ialah 1.15% dari nilai pinjaman, tapi saya dapat pusing duit tu melalui bisnes saya dan menjana keuntungan melebihi 10% sebulan.**

**Itulah untungnya emas.Walaupun melabur, duit kita tak beku dan boleh dirolling untuk perkara lain**

## Beli emas guna duit pinjaman?



- **Saya tak galakkan** beli emas dengan duit pinjaman sebab harga emas ada turun naik. Emas lebih sesuai dibeli dengan duit simpanan.

- Kalau masih ada hutang negatif seperti kad kredit, fokus **langsakan hutang dulu**. Tak berbaloi beli emas sebab caj kad kredit (interest 18% setahun) lebih mahal dari potensi keuntungan kenaikan harga emas.

## Barang kemas untuk pelaburan?

- **Barang kemas tak sesuai untuk pelaburan**, ia lebih sesuai untuk perhiasan. Kalau untuk pelaburan, paling baik ialah gold bar atau syiling dinar sahaja.
- **Barang kemas rugi bila nak jual balik sebab pekedai emas akan tolak susut nilainya sekitar 25% - 30% daripada harga semasa.**
- Harganya juga lebih mahal sekitar 15% per gram berbanding emas berbentuk gold bar dan dinar. Itu belum kira kos upah yang boleh dimanipulasi pekedai emas.



3 strategi untuk kaya dengan emas:

1. Jadi penyimpan emas, atau
2. Jadi pelabur emas, atau
3. Jadi peniaga emas



## Penyimpan emas (Gold Saver)




- Jadikan emas sebagai salah **satu bentuk simpanan jangka panjang**. Sekurang-kurangnya untuk tempoh 2 tahun.
- Kalau ada duit simpanan jangka panjang, tukar kepada bentuk emas. Jual hanya bila nak pakai duit. Harga emas confirm naik dalam jangka panjang sebab duit kertas confirm susut dari tahun ke tahun dimakan inflasi.
- Pastikan simpan **emas fizikal**. Ia membuatkan anda **ketagih menyimpan emas**. Inilah **cara majoriti penyimpan emas bertambah kaya!**

## Pelabur emas (Gold Investor/trader)




- Jadikan emas sebagai **alat untuk 'trading' seperti saham**. Prinsipnya, "beli harga rendah, jual harga tinggi". Ulang proses ni secara kerap.
- Untuk kenal pasti bila harga emas dianggap rendah, dan bila dianggap tinggi, kena tahu sedikit sebanyak tentang Analisis Teknikal Harga Emas. Saya syorkan hadir seminar Analisis Teknikal dianjurkan oleh En.Shufaad <http://www.shufaad.com>.
- Secara jujurnya, teknik ni tak semudah teori. Sejak 2010, **saya belum pernah jumpa orang yang kaya dengan cara ini**.

## Peniaga emas (Gold Dealer)



- **Cara paling cepat untung** dengan emas ialah **berniaga emas sambil menyimpan emas**. Pelabur emas untung hanya bila harga naik, tapi peniaga emas untung lebih besar walaupun harga emas turun.
- Dengan platform Public Gold, penyimpan emas boleh jana keuntungan besar walaupun secara sambilan. Sambil simpan emas, sambil pandaikan orang lain tentang simpanan emas, tanpa perlu menjual emas di tangan.

## Zakat emas macam mana?




- Emas simpanan **zakat 2.5%** kalau cukup **85 gram** (bersamaan 20 dinar) dan di simpan dalam tempoh **cukup setahun (haul)**.
- Barang kemas yang dipakai pun kena zakat kalau lebih uruf setempat. Di KL, urufnya 800 gram. Cara kiraaan, boleh rujuk [www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my).

## Beli emas ada income bulanan?



**TIDAK. Ini sebab-sebabnya:**



Jauhkan diri dari mana-mana SKIM pelaburan emas yang menjanjikan:

- pulangan tetap dan
- pulangan tak masuk akal i.e. keuntungan lebih 15% setahun.

• Berhati-hati kalau beli emas, tapi tak dapat emas fizikalnya.

• Beli emas, pastikan dapat emas, bukan dapat RESIT, SURAT PAJAK GADAI atau ada syarat TEMPOH MATANG untuk dapatkan emasnya!

- Kalau sedikit, **simpan di rumah**. Tapi kena kreatif. Yang penting, jangan simpan dalam almari sebab itu sasaran utama pencuri.
- Kalau banyak, takut tak lena tidur dan lebih tenang tinggalkan rumah, **simpan di Safe Deposit Box** di bank, ataupun syarikat swasta. Sewaan sekitar RM100 – RM550 setahun bergantung saiz box.



- Simpan emas dalam safe deposit box lebih tenang untuk keluar rumah.
- Antara yang bagus ialah Royal Safe Deposit Box ([www.rsdb.com.my](http://www.rsdb.com.my)), iaitu betul-betul di bawah office PG Sunway. Lepas ambil emas, terus simpan dalam safe box.
- Boleh juga pertimbangkan [www.safedepositbox.com.my](http://www.safedepositbox.com.my) sebab ia lebih murah.



## Simpan emas di ar-rahnu ok?

- **Tak berbaloi sebab cajnya sangat mahal, mencecah 14% setahun.** Ar-Rahnu bukan tempat simpan emas, tapi untuk dapatkan **pinjaman** bercagarkan emas.
- Kaedah beli, pajak, beli pajak; **risiko sangat besar sedangkan potensi untung sangat kecil.**
- Kalau nak simpan, lebih baik simpan di Safe Deposit Box.



**G100**

## Akaun emas atau emas fizikal?

- Beli emas fizikal lagi bagus sebab emas ada di tangan kita, dan boleh rolling emas itu dengan cara dapatkan pinjaman ar-rahnu untuk apa-apa tujuan menguntungkan.
- Ada yang tawarkan Akaun Emas di Malaysia : Maybank, Public Bank, CIMB, UOB Bank, Kuwait Finance House (KFH) dan Bank Muamalat.
- Setakat ni, KFH dan Bank Muamalat antara yang telah disahkan patuh syariah (halal). Alternatif lain ialah Akaun Emas GAP keluaran Public Gold (bukan bank) yang juga disahkan patuh syariah.



**بيت التمويل الكويتي**  
Kuwait Finance House

# Gold bar atau Dinar?

**Untuk SEPP**

LETTER OF CERTIFICATE

PUBLIC GOLD MARKETING SDN. BHD. (930830-K)



We, Amanie Advisors Sdn. Bhd. (684050-H), in the capacity as Shariah Advisor for Public Gold Marketing Sdn. Bhd. (930830-K), have received and reviewed the transaction structures, terms and conditions, standard operating procedures as well as transaction documents of outright purchase, easy payment purchase and undertaking to buyback products from Public Gold Marketing Sdn. Bhd.

Pursuant to our review of the abovementioned and to the best of our knowledge, we hereby certify the outright purchase, easy payment purchase and undertaking to buyback products are compliant with Shariah rules and requirement.

Allah Almighty knows best.

For and on behalf of  
AMANIE ADVISORS SDN. BHD.

**SIJIL PATUH SYARIAH**

Serial No: AA/PG/002

29 September 2017

LETTER OF CERTIFICATE

PUBLIC GOLD MARKETING SDN. BHD. (930830-K)



We, Amanie Advisors Sdn. Bhd. (684050-H), in the capacity as Shariah Advisor for Public Gold Marketing Sdn. Bhd. (930830-K), have received and reviewed the transaction structures, terms and conditions, standard operating procedures, transaction documents as well as the physical vault of Gold and Silver Accumulation Programme products from Public Gold Marketing Sdn. Bhd.

Pursuant to our review of the abovementioned and to the best of our knowledge, we hereby certify the Gold and Silver Accumulation Programme products are compliant with Shariah rules and requirement.

Allah Almighty knows best.

For and on behalf of  
AMANIE ADVISORS SDN. BHD.



**Untuk GAP**  
**G100**

- Public Gold (bukan bank) juga keluarkan produk seperti Akaun Emas KFH tapi dengan ciri-ciri yang lebih baik.
- Beli emas serendah 1 gram (atau RM100) dan **simpan dengan Public Gold secara PERCUMA**.
- Tak perlu risau soal di mana nak simpan emas tu. Dan boleh juga keluarkan emas fizikal dan simpan sendiri.



• **Gold bar dan dinar sama sahaja** dari sudut harga per gram, ketulenan mahupun potensi keuntungan. Bezanya cuma bentuk bulat dan segi empat sahaja.

• Secara umumnya, **item denominasi yang paling besar lebih cepat untung** disebabkan spread / selisih harga jual belinya paling nipis. Contohnya, gold bar 250 gram (spread 6%) lebih cepat untung berbanding gold bar 10 gram (9%).

• Walau bagaimanapun, **item emas yang kecil lebih baik kalau nak pakai duit**. Ia boleh dijual ataupun dipajak sikit-sikit bila anda memerlukan tunai segera.

## Gold Bar



**1 gram**  
**10 gram**  
**20 gram**  
**50 gram**  
**100 gram**  
**250 gram**  
**1 kg**

## Dinar



**½ dinar (2.125g)**  
**1 dinar (4.25g)**  
**5 dinar (21.25g)**  
**10 dinar (42.50g)**

## Beli direct di office Public Gold atau melalui dealer?

- **Sama sahaja dari sudut harganya.** Cuma nasihat saya, dapatkan bimbingan dealer sebelum bermula sebab dealer lebih tahu selok belok pelaburan emas.
- Untuk pembelian, dealer boleh tunjukkan cara membuat order dan **bayaran terus ke akaun Public Gold**, serta **ambil emas direct dari mana-mana cawangan Public Gold** ataupun **PG terus poskan ke rumah anda!** Itu cara pembelian emas PALING SELAMAT dan PALING MUDAH.
- Kalau PERTAMA KALI beli emas di office Public Gold ataupun secara online, **pastikan letak nama dealer yang anda percaya sebagai "Introducer"** supaya anda dapat **bimbingan PERCUMA** dari dealer tersebut jika ada sebarang pertanyaan pada masa depan.



### TIP MENDAPAT KEUNTUNGAN DENGAN EMAS!

- Sebelum membeli emas, ambil masa baca buku-buku tentang emas, dan dapatkan bimbingan daripada dealer emas yang jujur dan berpengalaman.
- Dalam Public Gold, anda boleh **dapatkan bimbingan** itu secara percuma dengan **melantik dealer itu sebagai INTRODUCER** anda ketika KALI PERTAMA (ya, hanya kali pertama sahaja) membeli emas dengan Public Gold.
- **Kesilapan memilih Introducer juga mungkin boleh merugikan anda!**




## Di mana cawangan Public Gold?



Public Gold ada **17 cawangan** seluruh Malaysia dan 1 di Indonesia.

Boleh cek maklumat lanjut di web

<https://publicgold.com.my/index.php/branch>



G100

## Cara mudah beli emas?



- Hubungi mana-mana **dealer** Public Gold di bawah naungan **#PGG100Network** yang anda percaya.
- Dealer tersebut akan tunjukkan **cara paling mudah** membeli emas sesuai dengan **bajet dan matlamat** anda membeli emas



Hai, macam mana? Mia pasti sudah banyak persoalan anda sudah terjawab.

Di bawah ini, Mia beri lagi 5 jawapan untuk soalan bonus yang juga selalu ditanya.

## 5 SOALAN BONUS

G100

1

### Ada pengesahan BNM?

- Public Gold antara syarikat jual beli emas yang telah pun diteliti oleh BNM; sebagai syarikat yang menjalankan jual beli emas secara tulen.
- Dari perspektif BNM, PG bukan syarikat yang menawarkan pelaburan, tapi **hanya seperti 'kedai emas' sahaja** yang menjalankan aktiviti jual beli emas.
- Hulur duit dapat emas, hulur emas dapat duit. **Tiada apa-apa 'SKIM' PELABURAN ditawarkan.**

2

### Risiko Pelaburan Emas?

- Risiko utama ialah **kehilangan emas tu sendiri disebabkan kecuaian sendiri**.
- Kedua, **harga emas boleh turun** dalam jangka pendek. Tak ada jaminan dan tak logik harga emas naik tapi tak turun-turun. Tapi ia tiada risiko jatuh lingkup seperti saham. Ini disebabkan emas adalah penyimpan nilai paling ampuh dalam sejarah manusia.
- Sebenarnya membiarkan duit dalam bentuk wang kertas lebih berisiko sebab **Ringgit Malaysia pernah jatuh 50% setahun**, dan ianya tak pernah berlaku kepada emas!

3

### Macam mana nak tahu emas PG tulen atau tidak?



- **Emas PG** telah pun diuji ketulenan oleh assayer (penilai) bebas & dikeluarkan bersama sijil ketulenan. Reputasinya yang kukuh ini membuatkan ia **diterima untuk pajakan di POS Ar-Rahnu** tanpa perlu buka sarung plastik dan tanpa perlu uji ketulenan!
- Kalau nak yakinkan diri sendiri, saya cadangkan anda beli dulu 1 gram dan bawanya ke Pos Ar-Rahnu untuk dapatkan pengalaman sendiri!

4

## Ada tak emas lain yang lagi murah daripada PG?



**G100**

**Ada.** Tetapi saya boleh katakan Public Gold (PG) antara termurah di Malaysia. Ingat, emas lebih murah tak semestinya lebih untung. Emas PG menjadi pilihan paling utama penyimpan emas di Malaysia sebab **mudah dibeli, mudah dijual, dan paling untung:**

1. **Cawangan banyak** - 17 cawangan.
2. **Platform jual beli 24 jam sehari secara online**, dan ada kemudahan pos terus emas sampai ke rumah.
3. **Stok tiada had** walaupun masa harga emas jatuh.
4. **Diterima meluas oleh ar-rahnu di Malaysia.**
5. **PG jamin akan beli balik emas** tu bila kita nak pakai duit.
6. Disahkan **patuh syariah**.

5

## Bila masa terbaik membeli emas?

- Masa terbaik membeli ialah bila anda faham apa itu emas, kepentingannya dan keuntungan menyimpannya.
- **Kalau kali pertama, jangan tunggu harga rendah sebab anda tak faham bila harga rendah sebelum buat belian pertama.**
- Tak siapa tahu “how low is low” dan “how high is high” hatta mereka yang pakar analisis harga emas sekali pun. Jadi, **beli dulu sekurang-kurangnya 1 gram. Lepas itu baru pantau harga.**
- Pengalaman saya, **orang yang tunggu harga paling rendah biasanya terpaksa beli pada harga lebih tinggi** sebab tak siapa tahu bila harga dikatakan paling rendah!

**THE TIME IS  
NOW**

# Produk Utama

PUBLIC Gold

G100



## GOLD BAR 24K

- Edisi Bunga Mas
- 5g, 10g, 20g, 50g dan 100g



## GOLD BAR 24K

- Edisi Tai Fook
- 5g, 10g, 20g, 50g dan 100g



## DINAR 24K

- ½ dinar (2.125g)
- 1 dinar (4.25g)
- 5 dinar (21.25g)
- 10 dinar (42.50g)



# Kaedah Membeli Emas

## KAEDAH BELIAN PUBLIC GOLD



### OUTRIGHT

#### FULL PAYMENT

- Sesuai modal lebih RM 1000 untuk beli 10g, 20g, 50g, 100g, 250g, 1kg, 1 dinar, 5 dinar dan 10 dinar
- Proses: Order emas (lock harga) dan buat bayaran
- Ambil emas di cawangan pilihan dan simpan sendiri

### OUTRIGHT

#### SYARIAH EASY PAYMENT PURCHASE

- Miliki emas seperti Outright Purchase (full payment) dengan bayaran bulanan patuh syariah.
- Emas berharga RM 1000 dan ke atas boleh bayar 6 kali (selama 6 bulan)
- Selesai bayaran, ambil emas dan simpan sendiri

### GAP

#### GOLD ACCUMULATION PROGRAM

- Bajet kecil RM 100 hingga RM 900
- Bayar secara gram atau serendah RM 100 (tiada komitmen bulanan)
  - PG simpankan PERCUMA dalam akaun
- Boleh keluarkan bila-bila masa & simpan sendiri

Sebelum membeli emas Public Gold, anda kena tentukan sama ada **nak simpan sendiri** atau **nak Public Gold simpankan** percuma untuk anda?

1

### PEMBELIAN BIASA (OUTRIGHT PURCHASE)


Buat belian, ambil di cawangan terdekat atau pos berinsurans ke rumah anda dan simpan sendiri.



2

### AKAUN EMAS GAP (GOLD ACCUMULATION PROGRAM)

Beli dan simpan dengan Public Gold secara percuma, **minimum RM 100**. Kumpul sedikit demi sedikit dan **boleh keluar emas itu (untuk disimpan sendiri)** pada bila-bila masa di cawangan terdekat.



# Cara Menjadi Dealer

Anda secara automatik menjadi dealer Public Gold sekiranya membuat belian minimum yang ditentukan oleh PG dalam satu belian (beserta "Wealth Card") dan layak mendapat insentif untuk belian kedua dan seterusnya.



## Kelebihan Menjadi Dealer

Dibayar insentif atas pembelian sendiri , bermula pembelian kedua.

Normal Dealer (1%)  
Priority Dealer (1.5%)  
Master Dealer (2%)



Dibayar **insentif 0.3%** setiap kali menjual semula emas kepada PG.

Dibayar **royalti sepanjang hayat** atas pembelian customer yang diperkenalkan kepada PG

Menjalankan **bisnes secara online**, 24 jam sehari, di mana-mana sahaja di dunia



Tak perlu menjual stok emas. Hanya memperkenalkan dan membimbing pelanggan sahaja

Bisnes boleh diwarisi





Bahagian seterusnya, Mia akan terangkan serba sedikit tentang G100 Network. Jom, Mia perkenalkan!






[Public Gold By G100 Network](#)



[www.g100.my](#)

# G100 NETWORK

G100 Network adalah network dealer **Public Gold** yang paling cepat berkembang.




## DI SEBALIK NAMA 'G100'

**G100 NETWORK** - ia bermula dari impian mewujudkan 100 group FMD (Founder Master Dealer) dalam Public Gold sejak 2016.

**Mohd Zulkifli Shafie**, merupakan penulis **Buku Wang Emas** telah dinobatkan Champion dealer PG dan "*the fastest growing Master Dealer (MD)*" sejak 2017.

Beliau mengasaskan G100 Network dan meletakkan wawasan melahirkan **1,000 MD** menjelang tahun 2024.

Setiap MD berperanan memandaikan masyarakat tentang simpanan emas, dan mendapat **pendapatan pasif minimum RM5,000 - RM10,000** sebulan secara part-time.



**Mohd Zulkifli Shafie**  
**Founder G100 Network**  
[www.fb.com/mohdzulkifli.shafie](#)  
[www.mohdzulkifli.com](#)

# FINANCIAL FREEDOM

3 - 5 TAHUN DARI SEKARANG - bersama G100 Network!

## FOUNDER MASTER DEALER

Belajar melahirkan leader dalam team, memastikan bisnes berkembang secara auto-pilot, dan mencapai ULTIMATE FINANCIAL FREEDOM! Mempunyai simpanan minimum setahun pendapatan, 1 kilogram emas, dan passive income lebih RM10k setiap bulan.

BERJAYA

G100

## PRE-MD

Lengkapkan diri dengan SKILLSET untuk tingkatkan pendapatan dalam bisnes PG, bebas hutang negatif, dan buat persiapan kewangan untuk 'bersara'.

## MASTER DEALER

Lengkapkan diri dengan ilmu kepimpinan untuk membina team bisnes yang kukuh, dan mendapat pendapatan pasif minimum RM5k sebulan. Mempunyai simpanan minimum 6 bulan pendapatan.

## CUSTOMER

Belajar asas kewangan yang betul, dan selesaikan masalah kebocoran wang.

## DEALER

Belajar tambah pendapatan (secara part-time) sambil menyimpan emas, dan membina MINDSET seorang pemilik bisnes. Mempunyai simpanan kecemasan minimum 3 bulan pendapatan.

MULA

## APA ITU BEBAS KEWANGAN?

Financial Freedom (bebas kewangan) bukan sekadar gaji besar, atau duit banyak, tapi mempunyai pendapatan tetap tanpa perlu bekerja, yang melebihi kos sara hidup. Bahasa mudahnya, tak kerja pun ada duit!



Sudah sedia untuk meneruskan belian?  
Contact dealer **#PGG100Network** yang  
anda percaya untuk membimbing anda.

Segala pertanyaan tentang cara  
pendaftaran dan belian akan diterangkan  
oleh dealer tersebut.



**Jom Mula Sekarang!**

## Hubungi saya, Introducer anda:

Founder Master Dealer Public Gold  
**Syahrul Azlan & Syarifah Nurhidayah**  
[www.publicgoldofficial.com/syahrulazlan](http://www.publicgoldofficial.com/syahrulazlan)

PG Code: PG00075129  
Phone Number: +6011 56 919091

#PGG100Network #NextMohd



Kredit untuk penulis asal "Ebook 5 Minit Review tentang Emas"  
En. Mohd Zulkifli Shafie ([www.mohdzulkifli.com](http://www.mohdzulkifli.com))

Ebook ini telah diolah semula dan disusun oleh:

**G100 PUBLICATION TEAM**

Shikin Shawal  
Nurfarahana Simun  
Siti Ashinida Salleh

**Hadiah Percuma  
Buat Semua  
Penyimpan Emas  
Yang Berdaftar  
Di Bawah  
Bimbingan Saya**

The image contains two promotional banners. The left banner is for '5 EBOOK BERNILAI RM 199!!' and the right banner is for 'PRIVATE WEBINAR Membina SATU JUTA Pertama'. Both banners mention 'FOR FREE' and include contact information for Tuan Mohd Zulkifli Shafie.